

**STRATEGI POLITIK TUNKU ABDUL RAHMAN DAN AUTONOMI SINGAPURA
DALAM RANCANGAN *GREATER MALAYSIA* 1961**

***TUNKU ABDUL RAHMAN'S POLITICAL STRATEGY AND SINGAPORE'S
AUTONOMY IN THE GREATER MALAYSIA PLAN OF 1961***

Allan Leonard Kho

**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA**

***Corresponding Author: alleonkho20@yahoo.com**

Received: 27 July 2025; Accepted: 22 June 2026

Abstrak

Artikel ini menganalisis strategi politik Tunku Abdul Rahman dalam menerima penggabungan Singapura ke dalam rancangan *Greater Malaysia* pada tahun 1961 dengan tumpuan terhadap pengaturan kuasa hak autonomi bagi melimitasi kuasa Singapura dalam rancangan penggabungan persekutuan. Permasalahan kajian tertumpu kepada dilema politik yang dihadapi oleh Tunku dalam usaha menerima penggabungan Singapura yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew, yang tidak secara mutlak menolak fahaman komunis. Keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap perbezaan fahaman ideologi dan dominasi etnik yang boleh mengganggu kestabilan persekutuan. Penulisan ini memberikan kefahaman yang signifikan mengenai dinamika pembentukan Malaysia dan dilema persekutuan dalam konteks pasca-kolonial Asia Tenggara. Penelitian ini menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap sumber primer dan sekunder berdasarkan beberapa dokumen-dokumen primer seperti dokumen rasmi kolonial *Prime Minister's Office Records* (PREM), Hansard Parlimen, *Memorandum Greater Malaysia* dan *White Paper* Singapura. Perbincangan penulisan ini mendapati bahawa Tunku menstrukturkan penggabungan rancangan *Greater Malaysia* secara berhati-hati melalui pendekatan yang bersifat dualistik iaitu menerima Singapura tetapi dengan pelbagai pengaturan yang melimitasikan pengaruh politik dan autonomi Singapura. Pendekatan ini tentunya untuk mengekalkan kestabilan politik dalam Persekutuan dan mengelakkan dominasi ideologi *People's Action Party* (P.A.P). Strategik politik Tunku dalam usaha penggabungan Singapura ke dalam rancangan *Greater Malaysia* merupakan langkah pragmatik yang berjaya menyeimbangkan kestabilan politik serta keperluan keselamatan menerusi rundingan terancang dan pengaturan autonomi yang terhad.

Kata kunci: *Greater Malaysia*, Singapura, Hak Autonomi, Penggabungan, Strategi Politik

Abstract

This article analyses Tunku Abdul Rahman's political strategy in accepting the merger of Singapore into the Greater Malaysia in 1961 with a focus on the arrangements of autonomy rights to limit Singapore's power within the federal merger framework. The research problem focuses on the political dilemma faced by Tunku in accepting the merger of Singapore under the leadership of Lee Kuan Yew, who did not absolutely reject communist ideology. This

situation has raised concerns about ideological differences and ethnic dominance that could disrupt the stability of the Federation. This article contributes to a deeper understanding of the dynamics of Malaysia's formation and the federal dilemma in the post-colonial context of Southeast Asia. This study employs a document analysis method of primary and secondary sources, such as the official colonial records Prime Minister's Office Records (PREM), Parliamentary Hansard, the Greater Malaysia Memorandum, and the Singapore White Paper. The discussion reveals that Tunku carefully structured the merger of the Greater Malaysia through a dualistic approach by accepting Singapore but with various arrangements that limited its political influence and autonomy. This approach was clearly intended to maintain political stability within the Federation and avoid the ideological dominance of the People's Action Party (P.A.P.). Tunku's political strategy to merge Singapore into the Greater Malaysia plan was a pragmatic move that successfully balanced political stability and security needs through planned negotiations and limited autonomy arrangements.

Keywords: *Greater Malaysia, Singapore, Autonomy Rights, Merger, Political Strategy*

Pengenalan

Idea pembentukan rancangan *Greater Malaysia*¹ telah muncul sebagai satu strategi geopolitik sekaligus menjadi langkah keselamatan serantau yang dirancang oleh kerajaan British. Rancangan ini telah dipertimbangkan oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, khususnya Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri ketika itu. Pasca Perang Dunia Kedua telah memperlihatkan situasi politik dan ekonomi di rantau Asia Tenggara menjadi semakin kompleks, terutamanya dengan kemunculan ancaman ideologi komunis yang dilihat berupaya mendatangkan risiko kepada kestabilan politik wilayah.² Dalam konteks ini, rancangan untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Borneo Utara dan Sarawak dilihat sebagai usaha untuk membina satu entiti politik yang baharu lebih besar dan stabil dari segi pertahanan, ekonomi dan keselamatan serantau.³

Walaupun gagasan *Grand Design* tampak menjanjikan sebagai satu strategi geopolitik yang berupaya memperkukuhkan keselamatan serantau namun, Tunku Abdul Rahman menghadapi dilema politik yang besar dalam menerima penggabungan bersama dengan wilayah Singapura. Ketidakyakinan beliau terhadap Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Kuan Yew dan ideologi politik Parti Tindakan Rakyat (P.A.P) mencetuskan kebimbangan bahawa penggabungan wilayah itu boleh menyebabkan dominasi kaum Cina dalam politik Persekutuan.⁴ Tambahan pula, latar belakang anti-komunis yang kuat dalam dasar kerajaan Persekutuan berkonflik dengan kedudukan P.A.P sebagai parti yang tidak menolak secara mutlak pengaruh komunis di Singapura. Justeru, strategi Tunku tidak hanya berasaskan faktor geopolitik tetapi juga dipengaruhi oleh keperluan untuk menjaga keseimbangan kaum dan kestabilan politik dalaman Persekutuan.

Bagi mengatasi kebimbangan terhadap kemasukan Singapura, Tunku mengemukakan penyelesaian strategik dengan mencadangkan penyertaan bersama wilayah Borneo iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara sebagai langkah imbalan ke atas perkara tersebut.⁵ Idea penggabungan ini bertujuan untuk menambah bilangan penduduk bukan Cina dalam persekutuan baharu agar dominasi politik etnik tertentu dapat dielakkan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh legitimasi politik gabungan malah membuka ruang kepada rundingan yang lebih pragmatik dengan kerajaan British serta kerajaan Singapura. Dalam hal ini, Tunku

memainkan peranan penting sebagai perancang dalam menstrukturkan formula penggabungan yang mengambil kira pelbagai perspektif.

Namun begitu, kemasukan Singapura ke dalam rancangan *Greater Malaysia* bukanlah satu kemasukan tanpa syarat. Tunku menekankan keperluan untuk menetapkan limitasi kuasa autonomi Singapura agar tidak menjejaskan autoriti Kerajaan Persekutuan. Konsep ini kemudiannya dirangka dalam bentuk pengaturan khas, termasuk cadangan penggabungan berasaskan Model Ulster yang mencontohi hubungan gabungan kerajaan antara United Kingdom dan Ireland Utara. Pengaplikasian model ini mencerminkan strategi kebijaksanaan politik Tunku dalam mengekang pengaruh politik Singapura di samping menawarkan kerjasama berasaskan prinsip persekutuan. Oleh hal yang sedemikian, strategi politik Tunku bukan sahaja menjawab cabaran penggabungan, tetapi turut membentuk asas penting dalam pengaturan autonomi wilayah dalam pembentukan Persekutuan Malaysia.

Sorotan Literatur

Kajian terdahulu berkaitan pembentukan Malaysia dan rancangan *Greater Malaysia* lazimnya menumpukan kepada cabaran pembentukan negara, perkembangan idea penggabungan wilayah serta pengaruh geopolitik serantau, namun kurang memberi perhatian terhadap pertimbangan kritikal Tunku Abdul Rahman dalam menerima Singapura sebagai sebahagian daripada Persekutuan Malaysia. Sebagai contoh, Daud, Hassan dan A'zmi (2021)⁶ menerusi artikel *Tunku Abdul Rahman: The Challenge of Establishing Malaysia* menghuraikan cabaran besar yang dihadapi oleh Tunku Abdul Rahman dalam merealisasikan pembentukan Malaysia, termasuk ancaman komunis, penentangan politik domestik, konfrontasi Indonesia serta bantahan Filipina terhadap pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun, penelitian tersebut lebih tertumpu kepada cabaran pembentukan Malaysia secara umum tanpa meneliti secara mendalam pertimbangan strategik Tunku Abdul Rahman untuk menerima Singapura, khususnya berkaitan timbang tara penawaran autonomi politik dan implikasinya terhadap kestabilan Persekutuan.

Selain itu, Kho dalam artikel *Idea The Grand Design dan Super Federation dalam Pembentukan The Greater Malaysia*⁷ membincangkan evolusi idea *Greater Malaysia*, pengaruh British dan dimensi penggabungan wilayah sebagai asas pembentukan Malaysia. Namun demikian, kajian tersebut lebih menekankan perkembangan konseptual dan geopolitik penggabungan wilayah berbanding penelitian terhadap pertimbangan politik Tunku Abdul Rahman dalam menerima penyertaan Singapura. Dari sudut konsep autonomi pula, Inguanzo (2024)⁸ membincangkan pelaksanaan autonomi wilayah dalam kerangka Persekutuan Malaysia, khususnya melibatkan Sabah dan Sarawak, namun penelitian tersebut lebih tertumpu kepada federalisme kontemporari dan hak masyarakat pribumi berbanding penawaran autonomi Singapura dalam konteks pembentukan Malaysia. Justeru, kelompongan kajian ini memperlihatkan keperluan untuk meneliti strategi politik Tunku Abdul Rahman dan autonomi Singapura secara lebih mendalam dalam konteks rancangan *Greater Malaysia*.

Singapura dalam Rancangan Idea *Grand Design*

Sejak perkembangan idea rancangan *Grand Design*, kerajaan British mula memikirkan inisiatif untuk menggabungkan semula Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum ini, Singapura telah terpisah dari Persekutuan Tanah Melayu sejak Perang Dunia Kedua. Inisiatif

penggabungan semula Singapura ini adalah untuk membentuk sebuah persekutuan baharu yang lebih besar merangkumi wilayah Borneo iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. Rancangan ini kemudian diusahakan sebagai rancangan *Greater Malaysia* dengan tujuan untuk memelihara keselamatan dalaman wilayah-wilayah yang terlibat khususnya Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Kesannya, pada tahun 1953, sebuah jawatankuasa khas iaitu *Joint Co-ordinating Committee* telah diperkenalkan. Jawatankuasa *Joint Co-ordinating Committee* ini dipertanggungjawabkan untuk mengkaji inisiatif dan dasar yang sesuai bagi merapatkan semula hubungan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.⁹

Walau bagaimanapun, Tunku tidak begitu bersedia dengan cadangan kerajaan British untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu bersama Singapura. Ketidakelesaian Tunku disebabkan wujudnya perbezaan pegangan ideologi politik antara kerajaan Tunku dengan kerajaan Lee Kuan Yew. Ketika Lee Kuan Yew menubuhkan Parti Tindakan Rakyat (P.A.P) pada tahun 1954, beliau mengisytiharkan parti P.A.P tidak akan menjadi parti yang berpegangan anti-komunis sebaliknya mengelarkan parti P.A.P sebagai parti bukan komunis. Ketidakjelasan pegangan Lee Kuan Yew dalam parti P.A.P tidak meyakinkan Tunku untuk menerima Lee Kuan Yew dan partinya tidak bersifat komunis apatah lagi untuk bergabung wilayah bersama. Prinsip Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tetap teguh dengan prinsipnya anti-komunis dan tidak akan bekerjasama dengan mana-mana parti atau kerajaan yang berideologi pro-komunis seperti kerajaan di bawah kepimpinan Lee Kuan Yew. Sekiranya Tunku bersetuju dengan pengaturan tersebut, tindakan tersebut pastinya akan mendatangkan ancaman politik yang kritikal kepada kerajaan Tunku sendiri.¹⁰

Pendirian Tunku tetap menolak idea penggabungan dengan Singapura menjelang akhir tahun 1958 apabila Tunku sendiri memaklumkan kepada akhbar tempatan bahawa penggabungan Persekutuan Tanah Melayu bersama Singapura merupakan persoalan yang beliau tidak ingin bincangkan dan menegaskan bahawa penggabungan dengan Singapura tidak akan berlaku dalam tempoh masa yang terdekat. Keadaan ini memberikan bayangan bahawa Tunku teguh dengan pendiriannya menolak kerjasama pihak yang berhaluan kiri. Meskipun begitu, pada tahun yang sama, Tunku telah mengadakan perbincangan bersama Malcom MacDonald mengenai rancangan *Grand Design* yang merangkumi Singapura. Dalam perbincangan tersebut, Tunku menyifatkan idea rancangan untuk menubuhkan sebuah negara berkonsepkan Persekutuan di Asia Tenggara yang lebih luas termasuk wilayah Singapura. Langkah tersebut berupaya memberikan jalan penyelesaian kepada masalah hubungan antara Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.¹¹ Tetapi, Tunku masih tidak memberikan kata putus yang jelas terhadap pengaturan tersebut.¹² Tindakan Tunku ini mengejutkan pelbagai pihak kerana sebelum ini Tunku sangat teguh dengan prinsip ideologi politiknya menolak penggabungan bersama Singapura.

Tidak dinafikan juga bahawa di sebalik kenyataan Tunku yang mengejutkan ini terjadi disebabkan oleh faktor tuntutan Filipina ke atas wilayah Borneo Utara. Perkara ini telah mempengaruhi keputusan Tunku untuk menerima Singapura dengan cadangan menyatukan wilayah Borneo. Tunku telah mendapat pesanan dari Filipina melalui Duta Besar British mengenai isu tuntutan wilayah Borneo dan keadaan ini memberikan lagi tekanan kepada Tunku. Sejak rancangan *Grand Design* dibincangkan, Tunku sememangnya menunjukkan berminat untuk menyatukan Singapura dan wilayah Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu. Namun apabila Tunku menerima tekanan dari Filipina, perkara ini menjadi salah satu faktor Tunku untuk menyejajarkan rancangan *Grand Design*. Kejayaan parti P.A.P yang memenangi pilihan raya Majlis Bandaraya pada Februari 1958 juga telah mempengaruhi Tunku

untuk menilai semula keperluan untuk bekerjasama dengan Lee Kuan Yew pada masa hadapan.¹³

Dalam perbincangan tersebut, Tunku menegaskan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak menerima penggabungan antara Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura semata-mata begitu sahaja tanpa ada imbalan yang sesuai. Selain daripada pegangan ideologi politik yang berbeza, Tunku turut memikirkan masalah komposisi kaum akan berlaku sekiranya Singapura akan bergabung dalam Persekutuan Tanah Melayu sebagai negeri tambahan dan akan berkemungkinan terjadi gabungan politik antara orang Cina Singapura dan orang Cina Persekutuan Tanah Melayu. Oleh hal yang sedemikian, Tunku mencadangkan idea penyatuan wilayah Borneo ke dalam idea penggabungan Singapura bersama Persekutuan Tanah Melayu sebagai penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi segala kebimbangan. Tunku berpandangan bahawa perlindungan daripada dominasi orang Cina boleh diatasi dengan penyatuan nisbah penduduk bukan Cina di wilayah Borneo. Tindakan ini dilihat berupaya untuk menerima Singapura dalam penggabungan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Pengaturan idea *Grand Design* sedemikian akan diterima oleh Tunku memandangkan idea penyatuan wilayah Borneo dilihat berupaya untuk mengatasi permasalahan Singapura.¹⁴

Kenyataan Tunku di Singapura

Pada tanggal 27 Mei 1961, berlaku peristiwa yang mengejutkan mengejutkan semua pihak terutamanya kepada Singapura apabila Tunku mengumumkan kenyataan menerima rancangan penggabungan bersama Singapura. Ucapan Tunku kepada Persatuan Wartawan Asing di Singapura telah menjelaskan akan wujudnya bayangan konsep *The Greater Malaysia*. Kenyataan ini bermakna Tunku telah bersedia menerima rancangan idea *Grand Design* dan dikembangkan kepada rancangan *The Greater Malaysia*. Kenyataan Tunku ini telah memberikan harapan besar kepada Singapura untuk merealisasikan idea penggabungan yang diimpikan oleh Lee Kuan Yew.

"Sooner or later Malaya should have an understanding with Britain and the peoples of Singapore, North Borneo and Sarawak. It is premature for me to say now how this closer understanding can be brought about, but it is inevitable that we should look ahead to this objective and think of a plan whereby these territories can be brought closer together in political and economic cooperation." ¹⁵

Kenyataan Tunku ini sangat signifikan dan menunjukkan penerimaan baik Tunku terhadap rancangan penggabungan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu dan merangkumi wilayah Borneo. Peristiwa ini telah memberikan harapan kemerdekaan kepada kerajaan Singapura yang selama ini telah memperjuangkan "Kemerdekaan melalui penggabungan" sejak tahun 1959.¹⁶

Sebelum pengumuman Tunku pada 27 Mei ini, beliau telah memaklumkan awal kepada wakil kerajaan British iaitu Sir G Tory (Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu) mengenai tindakan yang akan dilakukan olehnya itu. Tunku bersama Sir G Tory turut membincangkan beberapa perkara mengenai kedudukan Singapura pada masa depan dan ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada wilayah Borneo. Antara perkara yang dibincangkan adalah Tunku menerangkan mengenai kepentingan Persekutuan Tanah Melayu

akan terpelihara serta terjamin dengan inisiatif mengekalkan kedudukan Singapura secara bebas daripada Persekutuan. Kedudukan berasingan ini turut dilihat berupaya melindungi Persekutuan Tanah Melayu daripada kesan kemerosotan politik yang mungkin akan berlaku di Singapura. Penyusunan sebegini hanyalah jalan penyelesaian jangka masa pendek dan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu perlu mencari inisiatif lebih sesuai untuk menyerap Singapura ke dalam Persekutuan dengan cara yang lebih selamat, maka Tunku memikirkan rancangan *Grand Design* merupakan satu-satunya inisiatif yang berupaya menawarkan jalan terbaik dan selamat untuk penggabungan Singapura.¹⁷

Dalam perbincangan yang sama, Tunku juga menjelaskan kepada Sir G Tory mengenai kedudukan Singapura dan wilayah Borneo dalam *Grand Design*. Kedudukan Brunei, Sarawak dan Borneo Utara akan diserap ke dalam Persekutuan Tanah Melayu sebagai status negeri. Ini bermaksud cadangan awal hanya meletakkan kedudukan Sarawak dan Borneo Utara sebagai status negeri dalam persekutuan. Kedua-duanya akan menikmati hak dan keistimewaan yang sama seperti diterima oleh negeri-negeri lain dalam Persekutuan Tanah Melayu. Sebaliknya Singapura sahaja yang akan mempunyai kedudukan dan pengaturan memerintah sendiri secara luas dalam *Grand Design*.¹⁸ Walau bagaimanapun, Sir G Tory tidak setuju dengan cadangan Tunku terhadap pengaturan wilayah Borneo. Hal ini kerana terdapat kemungkinan Sarawak dan Borneo Utara akan ditawarkan untuk berkerajaan sendiri kelak dan digabungkan menjadi sebuah unit tunggal.¹⁹ Namun, Persoalan ini masih menunggu waktu yang sesuai untuk dilaksanakan oleh Kerajaan British. Di sisi yang berbeza, Tunku tetap mempertahankan cadangannya dan berpandangan pendapat Sir G Tory mengenai pengaturan wilayah Borneo boleh dibincangkan kemudian memandangkan rancangan penggabungan membentuk sebuah Persekutuan adalah lebih mustahak untuk dibincangkan terutamanya melibatkan Singapura.

Memorandum *Greater Malaysia* 1961

Di sebalik penerimaan Tunku terhadap penggabungan Singapura bersama Persekutuan Tanah Melayu, Tunku masih bersifat berhati-hati dengan rancangan ini terutamanya keyakinan Tunku terhadap kerajaan di bawah kepimpinan Lee Kuan Yew. Tunku telah mempertimbangkan cara untuk menghadkan kuasa kerajaan Singapura dalam persekutuan bagi mengelakkan berlakunya dominasi kuasa daripada Lee Kuan Yew kelak. Tunku menekankan bahawa Singapura sebagai sebahagian daripada rancangan *Greater Malaysia* dan merupakan satu keperluan untuk kebaikan bersama namun Singapura mestilah diberikan satu layanan khas dan istimewa yakni pengaturan semula kuasa yang akan diserahkan dan dimiliki oleh Singapura. Oleh kerana perbincangan *Greater Malaysia* baru dimulai sejak ucapan 27 Mei 1961, tentunya sukar untuk menentukan sejauh mana kedudukan dan hubungan Singapura dalam rancangan tersebut. Apabila telah diputuskan pengaturan khas untuk Singapura dalam Persekutuan kelak, Singapura perlu akur dengan segala pengaturan yang ditentukan oleh kerajaan federal.²⁰

Sehubungan dengan itu, strategi Tunku untuk menghadkan kuasa Singapura dengan menyediakan satu memorandum *Greater Malaysia* dan diserahkan kepada kerajaan Britain untuk dipertimbangkan. Berdasarkan memorandum yang tersebut, Tunku telah menstrukturkan pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri (Singapura). Dalam pada itu juga, kedudukan Singapura dibayangi melalui beberapa pengaturan khas seperti pengkalan hak autonominya ke atas hal ehwal dalaman negeri (Singapura). Singapura juga dibenarkan untuk mengekalkan pentadbiran perkhidmatan awamnya dan diberikan kelebihan untuk mengemukakan permohonan peminjaman pegawai perkhidmatan awam dari kerajaan

Persekutuan kelak. Memorandum *Greater Malaysia* itu juga jelas menyatakan Singapura perlu bersetuju dengan bidang kuasa kerajaan Persekutuan dalam mentadbir urus bidang-bidang tertentu sepenuhnya. Kerajaan Persekutuan akan memiliki hak autonomi sepenuhnya dalam bidang kuasa melibatkan pertahanan, keselamatan dalam negeri, kewangan, kawalan imigrasi, pendidikan serta hal ehwal luar negeri.²¹

Singapura perlu akur dengan hak autonomi kerajaan Persekutuan dalam bidang-bidang kuasa tersebut namun, Singapura tetap diberikan hak autonomi untuk mengurus sepenuhnya urusan dalam wilayahnya. Seterusnya, cadangan Tunku mengenai aspek keselamatan persekutuan ialah Tunku akan mewakili kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mempertahankan keselamatan wilayah Borneo serta Singapura sekiranya wilayah-wilayah ini dicerobohi atau berlaku konflik dalaman wilayah. Singapura juga akan diwakili oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam Majlis Keselamatan Dalam Negeri (*Internal Security Council*). Pengaturan strategi ini semestinya merupakan inisiatif Tunku mengawal ancaman Komunis di Singapura daripada tersebar ke seluruh wilayah *Greater Malaysia* kelak dan sekaligus mengurangkan kuasa Singapura dalam aspek keselamatan negeri. Selain daripada itu, pangkalan British yang sedia ada di Singapura juga dicadangkan untuk menghentikan fungsinya bagi tujuan SEATO.²² Berdasarkan memorandum yang dikemukakan oleh Tunku, Singapura menikmati kuasa autonomi dengan hak mutlak dalam pentadbiran urusan dalaman Singapura kecuali beberapa bidang kuasa akan ditadbiruruskan langsung oleh kerajaan persekutuan.

Model Ulster dalam Penggabungan Singapura

Meskipun Tunku bersedia untuk menerima Singapura dalam *Greater Malaysia* namun Tunku telah menetapkan syarat khusus yang hendaklah diterima oleh semua pihak termasuklah kerajaan British iaitu penyatuan wilayah Borneo ke dalam rancangan penggabungan perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum penggabungan Singapura. Tunku hanya akan membenarkan Singapura digabungkan setelah persoalan wilayah Borneo terjamin.²³ Strategi Tunku ini bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politiknya terlebih dahulu bersama wilayah Borneo sebelum Singapura digabungkan, malah Tunku sendiri mengakui bahawa tanpa kehadiran wilayah Borneo dalam penggabungan, adalah mustahil baginya menyakinkan kabinet kerajaan persekutuannya untuk menerima penggabungan Singapura.²⁴ Pada masa yang sama juga, Singapura harus menerima pengaturan mengenai jumlah bilangan perwakilan di parlimen persekutuan maka, sebagai balasan kepada keistimewaan hak autonomi yang telah diberikan, Singapura akan mempunyai bilangan perwakilan yang kecil di peringkat parlimen persekutuan.

Dalam usaha menerima Singapura dalam *Greater Malaysia*, Tunku perlu memikirkan jenis penggabungan yang sesuai bagi menerima masuk Singapura dalam rancangan tersebut. Apa jua bentuk penggabungan, Singapura tetap akan menikmati kelebihan dan apa yang mereka inginkan iaitu satu jaminan keselamatan ekonomi serta autonomi urusan dalaman wilayahnya. Akan tetapi, penggabungan tersebut hendaklah memberikan menjaminkan perlindungan kepada penduduk di Persekutuan. Dalam ucapan parlimen pada 16 Oktober 1961, Tunku telah menjelaskan gambaran kepada seluruh dewan bahawa bagaimana konsep Persekutuan Malaysia yang dibayangkan oleh Tunku akan berfungsi. Persekutuan Tanah Melayu dan wilayah Borneo bergabung sebagai Persekutuan Malaysia manakala Singapura pula hanya akan bersatu (*merger*) dalam Persekutuan Malaysia. Berdasarkan bayangan penggabungan ini, Tunku akan menggunakan bentuk penggabungan yang digunakan oleh

United Kingdom dan Ireland Utara iaitu dikenali sebagai Model Ulster.²⁵ Dengan menggunakan model itu, Tunku akan mengiktirafkan Singapura dalam *Greater Malaysia* sebagai rakan kongsi dalam satu identiti.²⁶

Penggabungan berkonsepkan Model Ulster yang cuba diaplikasikan oleh Tunku dalam hubungan Persekutuan Tanah Melayu bersama Singapura adalah memperlihatkan keberkesanan pengagihan kuasa yang berbeza antara United Kingdom-Ireland Utara. Dalam kes hubungan United Kingdom-Ireland Utara, Ireland Utara akan menikmati beberapa keistimewaan berkerajaan sendiri dan mempunyai sebuah Dewan Perundangan sendiri. Kuasa autonomi Ireland Utara juga diberikan oleh United Kingdom untuk mengendalikan hal ehwal dalaman Ireland Utara. Antara beberapa ciri-ciri utama perlembagaan Ireland Utara adalah wilayahnya membentuk sebahagian penting dalam United Kingdom. Pemilihan ahli parlimen secara langsung ke Parlimen United Kingdom. Selain itu, sebahagian besar fungsi perundangan dan pentadbiran diberikan kepada kerajaan Ireland Utara. Ketua kerajaan dan wakil raja dalam Perlembagaan Ireland Utara akan dipegang oleh Gabenor. Ini bermakna Gabenor berkuasa untuk memanggil persidangan dan membubarkan parlimen Ireland Utara dan menjalankan fungsinya seperti Raja.²⁷

Perbincangan mengenai bentuk penggabungan berkonsepkan model Ulster pada mulanya telah dibangkitkan oleh kerajaan British bagi membincangkan jumlah bilangan perwakilan parlimen yang sesuai bagi Singapura dalam persekutuan kelak. Perbincangan antara Lord Selkirk (Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura) dengan Iain Macleod (Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan) juga mengusulkan penggabungan Persekutuan Tanah Melayu bersama Singapura menggunakan pendekatan model Ulster. Dalam pada itu, kerajaan Persekutuan berautonomi mentadbir urusan luar negeri Singapura, pertahanan dan keselamatan dalaman Singapura (Polis). Selain itu, Singapura juga akan membayar subsidi kewangan kepada kerajaan federal. Pengaturan sedemikian agar mengelakkan Singapura menerima jumlah kuasa yang besar dalam pemerintahan sendiri dan menghadkan hak autonominya daripada negeri lain dalam persekutuan. Maka sebagai imbalan kepada perkara itu, Singapura perlu bersetuju untuk menghantar hanya lima hingga sepuluh orang perwakilan parlimen bukannya 18 hingga 20 orang perwakilan sebagaimana yang dikemukakan oleh Lee Kuan Yew pada awal perbincangan penggabungan bersama Tunku.²⁸ Tunku dan Lee Kuan Yew juga menganggap pengaturan tersebut adalah penyelesaian yang paling praktikal untuk kebaikan kedua-dua wilayah. Sekiranya model Ulster diaplikasikan dalam rancangan *Greater Malaysia*, konsep bentuk federasi yang bersifat konfederasi akan digunakan.

Kedudukan Singapura dalam Persekutuan akan diiktirafkan seperti kedudukan Pulau Pinang dalam Persekutuan. Tunku turut bersetuju untuk memberikan Singapura hak autonomi ke atas pendidikan dan tenaga kerja kerana Tunku percaya sekiranya kedua-dua perkara ini tidak diberikan kuasa autonomi penuh kepada Singapura maka, ia akan mendatangkan lebih banyak masalah dalam kalangan rakyat Singapura. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, setiap negeri akan tertakluk di bawah Jadual 9 dalam Perlembagaan di mana kuasa cukai dan cukai pendapatan adalah milik kerajaan persekutuan, tetapi dalam kes penggabungan Singapura, Singapura akan memiliki hak autonomi pentadbiran seperti pendidikan, tenaga kerja, kesihatan dan perkhidmatan sosial dan secara tidak langsung Singapura akan mendapat sejumlah cukai yang banyak untuk melaksanakan tugas tersebut. Oleh itu, perlu ada penyesuaian perwakilan yang adil di Parlimen persekutuan sekiranya tidak, Singapura akan diwakili sebanyak dua kali di Parlimen persekutuan.²⁹

White Paper Singapura

Selain pengaplikasian idea Model Ulster, Kerajaan Singapura telah mengeluarkan *White Paper* kepada Tunku. *White Paper* Singapura juga signifikan dianalisis untuk menjelaskan limatasi kuasa hak autonomi Singapura dalam penggabungan bersama Persekutuan Tanah Melayu. *White Paper* Singapura ini merupakan sebuah memorandum lengkap dengan tuntutan hak autonomi Singapura. Ia diterbitkan pada 16 November 1961 dalam bentuk draf yang telah disemak kemudiannya diterbitkan sebagai *Command 33 of 1961, as "Memorandum Setting out Heads of Agreement for a Merger between the Federation of Malaya and Singapore"*. Memorandum tersebut telah ditandatangani oleh Tunku dan Lee Kuan Yew yang mewakili kerajaan masing-masing. Kemudiannya memorandum itu dibincangkan di London pada 22 November 1961 dalam persidangan *London Talk* dan telah disahkan oleh Kerajaan British. Pada 24 Ogos 1961, Tunku bersama Lee Kuan Yew telah mencapai persetujuan awal mengenai prinsip penggabungan iaitu penggunaan Model Uster dan juga tahap penawaran autonomi yang harus kekal di bawah bidang kuasa kerajaan Singapura. Perbincangan mengenai perkara ini turut membawa kepada penubuhan sebuah parti kerja bagi menjalankan fungsi sebagai badan pemeriksa bagi menilai segala perincian-perincian yang terkandung dalam *White Paper*. Sebuah teks hasil perbincangan *White Paper* telah diterbitkan di Kuala Lumpur berikutan perjumpaan antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan kerajaan Singapura.³⁰

“The Prime Minister of the Federation of Malaya, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj, and the Prime Minister of Singapore, Mr. Lee Kuan Yew, had talks for three days at the Residency in Kuala Lumpur. Present at the talks were the Federation Deputy Prime Minister, Tun Abdul Razak bin Dato Hussein, and the Singapore Minister of Culture, Mr. S.Rajaratnam Permanent Secretary for External Affairs, Inche Muhammad Ghazali bin Shafie, was also present. The Prime Ministers of the Federation and Singapore have agreed that the working party should be instructed to work out the details of merger, with a view to bringing about the integration of the two territories and its peoples in or before June 1963. On the basis of the agreement reached on 23rd August the two Prime Ministers discussed important constitutional and economic problems arising out of merger and broad agreement was reached. The two Prime Ministers are satisfied that all legitimate local and special interests of the people in the two territories can, and will, be safeguarded, with the merger of Singapore as a State within the Federation. Much progress has been made as a result of the discussions between the two Prime Ministers. It is decided that the two Prime Ministers will meet from time to time to review the working and decide on the recommendations of the working party.”³¹

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan ini, kedua-dua pihak telah mencapai satu kata putus dan persetujuan mengenai pengaturan dan penawaran hak autonomi yang akan dimiliki oleh Singapura dan Kerajaan Persekutuan dalam rancangan *Greater Malaysia*. Segala pengaturan yang telah dibincangkan dalam Memorandum *Greater Malaysia* 1961 dan Model Uster disambut baik oleh Lee Kuan Yew agar proses penggabungan wilayah dapat disegerakan. Kemajuan positif berjaya dicapai antara kedua-dua pihak dalam usaha merangka *White Paper* dan telah dibawa ke peringkat *London Talk* untuk dibentangkan kepada kerajaan British. Permasalahan utama iaitu bentuk penggabungan Persekutuan Tanah Melayu bersama

Singapura telah diselesaikan menerusi pengaplikasian Model Uster dan Singapura akan bergabung dengan Persekutuan sebagai sebuah negeri yang mempunyai kedudukan istimewa. Berikut merupakan perkara yang terkandung dalam *White Paper* Singapura.

- (i) *Singapore would be a State within the Federation but on special conditions and with a larger measure of local autonomy than the other States forming the Federation. Defence, external affairs and internal security would be Federal subjects: education and labour would be State subjects.*
(Singapura akan menjadi sebuah Negeri dalam Persekutuan tetapi dengan pengaturan khas dan dengan tahap autonomi sendiri yang lebih besar berbanding negeri-negeri lain yang membentuk Persekutuan. Pertahanan, Hal Ehwal Luar dan Keselamatan dalam Negeri akan menjadi bidang kuasa Persekutuan; Pendidikan dan Buruh akan menjadi bidang kuasa Negeri.)
- (ii) *The fundamental liberties and the special position of the Malays in Singapore would be preserved.*
(Kebebasan hak asasi dan kedudukan istimewa orang Melayu di Singapura akan dikekalkan.)
- (iii) *The present Singapore Legislative Assembly would continue as a State Legislature, with reduced powers.*
(Dewan Undangan Singapura yang sedia ada akan terus berfungsi sebagai Badan Perundangan Negeri, tetapi dengan kuasa yang dikurangkan.)
- (iv) *The existing Singapore civil service would be retained as a State civil service.*
(Perkhidmatan awam Singapura yang sedia ada akan dikekalkan sebagai perkhidmatan awam Negeri.)
- (v) *The present Singapore Judicial and Legal Services would become a separate branch of the Federal Judicial and Legal Services. The ultimate control of the Judiciary would rest with the Federal Chief Justice in Kuala Lumpur.*
(Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Singapura yang sedia ada akan menjadi satu cabang berasingan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan. Kuasa tertinggi kehakiman akan terletak pada Ketua Hakim Persekutuan di Kuala Lumpur.)
- (vi) *The present separate Singapore citizenship and voting rights would be retained, but in other respects Singapore*

citizens would enjoy the same national rights and have the same passport as Federal citizens.

(Kewarganegaraan dan hak mengundi yang berasingan di Singapura akan dikekalkan, tetapi dalam hal-hal lain, warganegara Singapura akan menikmati hak kebangsaan yang sama dan memiliki pasport yang sama seperti warganegara Persekutuan.)

- (vii) *If Singapore were to join the Federation on a par with the existing member States it would be entitled to about twenty-five seats in the Federal Legislature by virtue of the size of its electorate. In view, however, of the greater autonomy which Singapore would enjoy in comparison with the existing States, it had been agreed that the number of Singapore representatives should in practice be limited to fifteen.*

(Sekiranya Singapura menyertai Persekutuan setaraf dengan negeri-negeri ahli yang sedia ada, ia akan berhak mendapat kira-kira dua puluh lima kerusi dalam Badan Perundangan Persekutuan berdasarkan saiz jumlah pengundinya. Namun begitu, memandangkan tahap autonomi yang lebih besar yang akan dinikmati oleh Singapura berbanding dengan negeri-negeri lain, telah dipersetujui bahawa bilangan wakil Singapura secara praktikalnya akan dihadkan kepada lima belas orang sahaja.)³²

Boleh dilihat terdapat beberapa perkara penting dalam *White Paper* ini menunjukkan kebijaksanaan strategi politik Tunku dalam menentukan limitasi kuasa Singapura dalam rancangan *Greater Malaysia* kelak. Antaranya adalah perkara ketujuh dalam *White Paper* iaitu Sekiranya Singapura bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu dan kedudukannya akan setara dengan negeri yang sedia ada maka, Singapura berhak mendapatkan 25 buah kerusi di Badan Perundangan Persekutuan. Akan tetapi, kerajaan Persekutuan telah diberikan sejumlah kuasa hak autonomi yang lebih besar kepada Singapura dalam aspek yang lain dibandingkan dengan negeri-negeri yang sedia ada (tidak termasuk Sarawak dan Borneo Utara), oleh itu telah dipersetujui bahawa jumlah perwakilan Singapura harus dikurangkan menjadi lima belas orang perwakilan sahaja.

Selain daripada itu, hak autonomi Singapura dalam perkara pendidikan dan buruh tetap diteruskan walaupun kedua-dua perkara tersebut sepatutnya di bawah bidang kuasa Persekutuan berdasarkan pengaturcaraan Perlembagaan Persekutuan. Lee Kuan Yew tegas dengan keputusannya untuk meletakkan pendidikan dan buruh di bawah bidang kuasa kerajaannya kerana beliau berpendapat pendidikan amat penting dan ingin terus mengekalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama di Singapura. Beliau menyedari bahawa keadaan akan menjadi sukar untuk menggantikan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu sekiranya bidang pendidikan Singapura diletakkan di bawah bidang kuasa Persekutuan. Kepentingan kerajaan Singapura diberikan hak autonomi dalam menguruskan bidang pendidikannya sendiri adalah menunjukkan sokongan kerajaan Singapura kepada sekolah Cina dan perkara ini secara tidak langsung akan memberikan kepentingan kepada politik untuk parti P.A.P. Berkenaan dengan

buruh pula, kebimbangan Lee Kuan Yew terhadap kebajikan pekerja di Singapura akan mula terjejas sekiranya bidang kuasa itu tidak diletakkan sebagai bidang kuasa tadbir urus kerajaan Singapura sendiri. Lee Kuan Yew ingin untuk terus melindungi buruh Singapura berdasarkan rang undang-undang buruh Singapura yang tersedia ada dan tidak akan tertakluk kepada rang undang-undang Persekutuan yang disifatkan lebih tegas dan kurangnya bersifat liberal.³³

Kesimpulan

Secara keseluruhan, naratif nasional yang dibentuk melalui strategi penggabungan Singapura ke dalam rancangan *Greater Malaysia* bersama wilayah yang lain telah mencerminkan usaha kepimpinan pasca-kolonial untuk menyatukan wilayah dan membentuk satu identiti politik dalam satu kerangka persekutuan yang stabil. Namun demikian, ia turut memperlihatkan timbulnya cabaran besar dalam menyesuaikan aspirasi nasional dengan realiti politik pasca-kolonial yang agak rumit, terutamanya apabila autonomi wilayah seperti Singapura memerlukan pengaturan khas dan ini yang dilihat mencabar prinsip sistem negara berpersekutuan. Strategi politik Tunku Abdul Rahman dalam menyusun rancangan *Greater Malaysia* telah menunjukkan satu pendekatan yang agak pragmatik terutamanya dalam menangani dilema politik dalaman bersama Singapura di samping mengatasi kebimbangan geopolitik serantau. Walaupun ketidakpercayaan Tunku terhadap Lee Kuan Yew serta ideologi politik parti P.A.P menjadi permasalahan awal namun, Tunku tetap berusaha menyesuaikan keperluan keselamatan wilayah dan dominasi kaum melalui idea pengimbangan demografik dengan menyatukan wilayah Borneo dalam rancangan *Greater Malaysia*. Perkara ini dapat diperhatikan daripada dinamik penerimaan serta kebimbangan kumpulan etnik di wilayah Borneo seperti yang ditunjukkan oleh Donald Stephens.³⁴ Strategi ini menonjolkan kebijaksanaan strategi politik Tunku dalam menstruktur idea gabungan yang bersifat menyeluruh. Namun begitu, penulisan ini menunjukkan bahawa penerimaan Singapura dalam *Greater Malaysia* tidak berlaku secara mutlak tetapi melalui proses pengawalan dan perundingan intensif yang disalurkan melalui Memorandum *Greater Malaysia*, White Paper Singapura dan pengaplikasian Model Ulster. Tunku meletakkan syarat dan limitasi kuasa hak autonomi Singapura bagi memastikan dominasi politik tidak beralih kepada Singapura. Akhirnya, walaupun pendekatan Tunku berhasil dalam mencapai kesepakatan awal antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan kerajaan Singapura, pengaturan yang kompleks terhadap hak autonomi telah menimbulkan persoalan keberlangsungan jangka panjang hubungan kedua-dua kerajaan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Professor Madya Dr. A Rahman Tang Abdullah selaku penyelia, pihak Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah kerana telah memberikan dorongan dalam menyiapkan penulisan ini.

Biodata

Allan Leonard Kho (alleonkho20@yahoo.com) (*corresponding author*) merupakan calon Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Sejarah di Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.

Nota

¹ Istilah *Greater Malaysia* akan digunakan dalam penulisan bagi merujuk kepada rancangan Pembentukan Persekutuan Malaysia. Istilah ini juga digunakan secara rasmi dalam dokumen-dokumen Kerajaan British bagi merujuk kepada rancangan tersebut. Oleh itu, istilah *Greater Malaysia* akan dikekalkan dalam penulisan ini dan tidak akan diterjemahkan kepada istilah Malaysia Raya.

² Khoo Kay Kim, "20th Century Malaysia: A Historiographical Perspective", *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 8, No. 8, 2000, hlm. 17.

³ Rancangan pembentukan *Greater Malaysia* tidak boleh semata-mata dilihat sebagai manifestasi lanjut kolonialisme kerajaan British ke atas wilayah jajahannya di Asia Tenggara. Pelbagai faktor lain turut mempengaruhi pertimbangan pelaksanaan dasar tersebut. Antara yang signifikan termasuklah isu ketidakseimbangan kos pentadbiran dan kewangan, peningkatan kos perbelanjaan dalam aspek pertahanan dan keselamatan pasca Perang Dunia Kedua, komitmen politik kerajaan British dalam Pertubuhan Komanwel serta tekanan moral daripada deklarasi neokolonialisme oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kesemua faktor ini secara kolektif membentuk kerangka pembuat dasar British sekali gus mendorong kepada pelaksanaan dasar *Greater Malaysia* yang tidak hanya semata-mata bersandarkan kepada persoalan penjajahan kerajaan British sahaja, Stockwell A. J., *Malaysia: British Documents on the End of Empire*, Series B, Vol. 8, London: Stationery Office, 2004, hlm. xliii-xlv.

⁴ Latar belakang politik Singapura pada tahun 1954 menyaksikan penubuhan Parti Tindakan Rakyat (P.A.P) oleh Lee Kuan Yew yang secara terbuka menyatakan bahawa partinya bukanlah berlandaskan ideologi anti-komunis, sebaliknya menyatakan dirinya sebagai sebuah entiti politik "bukan komunis". Akan tetapi, pendirian yang diambil oleh P.A.P tidak meyakinkan Tunku untuk menerima Lee Kuan Yew mahupun partinya sebagai sekutu politik yang boleh dipercayai. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu kekal konsisten dengan pendirian tegasnya yang anti-komunis dan enggan menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak yang dilihat cenderung kepada fahaman komunis, termasuk kerajaan Singapura di bawah pimpinan P.A.P. Sekiranya kerjasama tersebut tetap diteruskan, Persekutuan Tanah Melayu akan menghadapi cabaran dari segi kestabilan politik terutamanya ancaman ideologi. People's Action Party government of Singapore: despatch from Sir W Goode to Mr Lennox-Boyd, 26 June 1959.CO 1030/652, No 103.

⁵ Yamamoto Hiroyuki, "Foreigners' Nationalism" in Malaysia: Donald Stephens and K. Bali in Making of Sabah Nationhood", *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 9, No.9, 2001, hlm. 62 – 63.

⁶ Mohd Afendi Daud, Mohd Sufiean Hassan dan Abd. Aziz A'zmi, "Tunku Abdul Rahman: The Challenge of Establishing Malaysia," *Jurnal 'Ulwan* 6, no. 1, 2021, 127–143, hlm. 127–143.

⁷ Allan Leonard Kho, The Idea of Grand Design and Super Federation in The Formation of The Greater Malaysia. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 2022, 7(1), 13-24.

⁸ Inguanzo, I., Autonomy of Indigenous peoples in the Federation of Malaysia: A tale of three institutional settings. *Territory, Politics, Governance*, 12, 5, 2024, 591-609.

⁹ Stockwell A. J., *Malaysia: British Documents on the End of Empire*, Series B, Vol. 8, London: Stationery Office, 2004, hlm. 266 dan 293.

¹⁰ People's Action Party government of Singapore: despatch from Sir W Goode to Mr Lennox-Boyd, 26 June 1959, CO 1030/652, No 103.

¹¹ Closer association of Malaya with Singapore and the Borneo territories: note by M MacDonald of his talk with Tunku Abdul Rahman on 20 December, 22 December 1958, DO 35/10019, No 12, E/3.

¹² Stockwell A. J., *Malaysia: British Documents on the End of Empire*, Series B, Vol. 8, London: Stationery Office, 2004, hlm. 588 dan 589.

¹³ Ibid.

¹⁴ Closer association of Malaya with Singapore and the Borneo territories: note by M MacDonald of his talk with Tunku Abdul Rahman on 20 December, 22 December 1958, DO 35/10019, No 12, E/3.

¹⁵ Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back: Monday Musings and Memories*, 1977, hlm., 81.

¹⁶ The 'Grand Design': despatch from Lord Selkirk to Mr Macleod reporting recent developments and urging a decision on policy, 27 June 1961, CO 1030/980 No 324A.

¹⁷ 'Grand Design': inward telegram no 382 from Sir G Tory to Mr Sandys, giving advance notice of Tunku Abdul Rahman's speech to the Press Club lunch in Singapore on 27 May, 26 May 1961, PREM 11/3418.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid.

²⁰ The Grand Design: letter from Tunku Abdul Rahman to Mr Macmillan. Enclosure: 'Integration of British North Borneo territories and Singapore with the Federation of Malaya', 26 June 1961, PREM 11/3418.

²¹ Ghazali Shafie, *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015, hlm. 40.

- ²² The Grand Design: letter from Tunku Abdul Rahman to Mr Macmillan. Enclosure: 'Integration of British North Borneo territories and Singapore with the Federation of Malaya', 26 June 1961, PREM 11/3418.
- ²³ Tan Tai Yong Creating "Greater Malaysia": Decolonization and the politics of merger, *Institute of Southeast Asian Studies*, 2018, hlm. 66- 69.
- ²⁴ Ibid.
- ²⁵ *Parliamentary Debates*, Dewan Rakyat, Volume III, No. 16, 16th October 1961, hlm. 414.
- ²⁶ Ibid.
- ²⁷ Tan Tai Yong, Creating "Greater Malaysia": Decolonization and the politics of merger, *Institute of Southeast Asian Studies*, 2018, hlm. 69.
- ²⁸ The 'Grand Design': despatch from Lord Selkirk to Mr Macleod reporting recent developments and urging a decision on policy, 27 June 1961, CO 1030/980 No 324A.
- ²⁹ The Grand Design: letter from Tunku Abdul Rahman to Mr Macmillan. Enclosure: 'Integration of British North Borneo territories and Singapore with the Federation of Malaya', 26 June 1961, PREM 11/3418.
- ³⁰ Ibid.
- ³¹ PREM 11/3418, 'Greater Malaysia': inward telegram no 387 from P B C Moore to Mr Macleod, reporting agreement between Tunku Abdul Rahman and Lee Kuan Yew, 18 September 1961.
- ³² 1st meeting, London talks: minutes of the first meeting held at Admiralty House at 11 am with Mr Macmillan in the chair, 20 November 1961, CAB 134/1953, GMD(B)61.
- ³³ Tan Tai Yong, Creating "Greater Malaysia": Decolonization and the politics of merger, *Institute of Southeast Asian Studies*, 2018, hlm. 80.
- ³⁴ Saimin Ginsari & Joseph M. Fernando, Donald Stephens dan Peranannya dalam Pembentukan Malaysia, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23(1 (June)), 2014, hlm 176-178.

Rujukan

'Grand Design': inward telegram no 382 from Sir G Tory to Mr Sandys, giving advance notice of Tunku Abdul Rahman's speech to the Press Club lunch in Singapore on 27 May, 26 May 1961, PREM 11/3418.

'Greater Malaysia': inward telegram no 387 from P B C Moore to Mr Macleod, reporting agreement between Tunku Abdul Rahman and Lee Kuan Yew, 18 September 1961. PREM 11/3418.

1st meeting, London talks: minutes of the first meeting held at Admiralty House at 11 am with Mr Macmillan in the chair, 20 November 1961, CAB 134/1953, GMD(B)61.

A. Rahman Tang Abdullah & Wan Shawaluddin Wan Hassan, Elemen sejarah dalam pembentukan negara: Kemunculan negara bangsa di Eropah dan proses kolonialisasi dan dekolonialisasi dalam konteks Malaysia, *Perspektif, Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 2015.

Allan Leonard Kho, The Idea of Grand Design and Super Federation in The Formation of The Greater Malaysia, *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 7(1), 13-24, 2022.

Closer association of Malaya with Singapore and the Borneo territories: note by M MacDonald of his talk with Tunku Abdul Rahman on 20 December, 22 December 1958, DO 35/10019, No.12, E/3.

Ghazali Shafie, *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015.

Inguanzo, I., Autonomy of Indigenous peoples in the Federation of Malaysia: a tale of three institutional settings, *Territory, Politics, Governance*, 12(5), 591-609, 2024.

Khoo Kay Kim, 20th Century Malaysia: A Historiographical Perspective. *Sejarah: Journal Of The Department Of History*, Vol. 8, No.8, 2000.

Lee Kuan Yew, *The Singapore Story: Memoirs of Lee Kuan Yew*, Marshall Cavendish International Asia Pte Ltd, 2012.

Milne, R. S., *Government and politics in Malaysia, Singapore*: Times Book International, 1967.

Mohd Afendi Daud & Mohd Sufiean Hassan dan Abd. Aziz A'zmi, Tunku Abdul Rahman: The Challenge of Establishing Malaysia, *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 127-143, 2021.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume III, No. 16, 16th October 1961.

People's Action Party government of Singapore: despatch from Sir W Goode to Mr Lennox-Boyd, 26 June 1959, CO 1030/652, No 103.

Saimin Ginsari & Joseph M. Fernando, Donald Stephens dan Peranannya dalam Pembentukan Malaysia, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 23, No.1 (June), 2014.

Stockwell, A. J., *Malaysia: British Documents on the End of Empire, Series B, Vol. 8*, London: Stationery Office, 2004.

Tan Tai Yong, Creating " Greater Malaysia": Decolonization and the politics of merger, *Institute of Southeast Asian Studies*, 2018.

The 'Grand Design': despatch from Lord Selkirk to Mr Macleod reporting recent developments and urging a decision on policy, 27 June 1961, CO 1030/980 No 324A.

The Future of the Borneo territories: letter from Sir R Scott to Mr Lennox-Boyd, 29 January 1959, DO 35/10019, No 21.

The Grand Design: letter from Tunku Abdul Rahman to Mr Macmillan. Enclosure: 'Integration of British North Borneo territories and Singapore with the Federation of Malaya', 26 June 1961, PREM 11/3418.

Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back: Monday Musings and Memories*, 1977.

Yamamoto Hiroyuki, "Foreigners'nationalism" In Malaysia: Donald Stephens And K. Bali In Making Of Sabah Nationhood, *Sejarah: Journal of the Department of History*, Vol. 9, No.9, 2001.